

Tahap Pengetahuan *Non-Muslim* di Selangor terhadap Islam

*The Level of Knowledge of Non-Muslims in Selangor
toward Islam*

Muhammad Yusuf Marlon Bin Abdullah¹, Syarul Azman Bin Shahrudin, Sahlawati Binti Abu Bakar, Noor Amani bt Mohamed Hussin, Normazlina bt Ismail, Nursabila bt Ramli, Nurhazyyah bt Nural Anuar & Siti Khaulah Binti Mohd Hamzah

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
18 OKTOBER 2018	4 NOVEMBER 2018	4 DISEMBER 2018

ABSTRAK

Malaysia merupakan sebuah negara yang majmuk terdiri daripada pelbagai kaum dan agama berdasarkan sejarah di mana Malaysia mengalami perubahan dari sudut demografi secara besar-besaran apabila pihak British membawa tenaga kerja dari China dan India ke Tanah Melayu pada suatu ketika dahulu. Walaupun Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, agama Islam tetap merupakan agama rasmi negara Malaysia seperti yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Masyarakat Islam dan non-Muslim di Malaysia telah hidup bersama sebagai jiran tetangga lebih 61 tahun dalam keadaan yang harmoni, oleh yang demikian kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana tahap pengetahuan masyarakat non-Muslim di Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti India, Cina, orang asli, etnik Sabah, etnik Sarawak dan lain-lain terhadap kepercayaan dan budaya Islam. Pemilihan negeri Selangor adalah kerana Selangor mencatatkan peratusan populasi yang tertinggi iaitu sebanyak 19.9%. Seramai 325 orang responden terlibat di dalam kajian kuantitatif ini. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai Islam secara umum seperti berkenaan dengan Islam percaya bahawa Tuhan itu satu, Islam bukan agama ciptaan Muhammad, Islam merupakan agama yang membawa kedamaian, Islam menghormati agama lain, agama Islam sinonim dengan budaya Melayu serta konsep halal dan haram di dalam Islam. Namun begitu, responden dilihat mempunyai tahap pengetahuan yang sederhana berkenaan dengan konsep hudud, rukun Iman, rukun Islam, rukun kahwin, konsep poligami, zakat dan haji.

Kata kunci: tahap pengetahuan, non-Muslim, Negeri Selangor, Islam.

ABSTRACT

Malaysia is a multiracial country and it consists of various races and religions. Based on the history, the demography of Malaysia started to change widely when the British brought in Chinese from the main land of China and Indians from India to work here. Even though Malaysia has various races and religions, Islam still is the official religion of Malaysia as written in the Federal Constitution. Muslims and non-Muslims in Malaysia has been living together as neighbours for more than 61 years in peace. Therefore, the purpose of this research is to see the level of knowledge of non-Muslims consists of Chinese, Indians, Indigenous people and ethnic groups from Sabah and Sarawak in the state of Selangor towards Islam regarding faith and culture. The main reason why the writer decided on Selangor is because Selangor is a state in Malaysia with the highest population (19.9%), 325 respondents involved in this quantitative research. Over all, the result shows that non-

¹Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, PhD Dakwah & Kepimpinan (UKM), Pensyarah Jabatan Dakwah & Usuluddin, KUIS; yusufmarlon@kuis.edu.my

Muslims in Selangor has high knowledge about general things of Islam such as Islam believe there is only one God, Islam is not a religion created by Muhammad, Islam is a peace religion, Islam respect other religion, Islam synonym with Malay culture and they also have high knowledge about the concept of halal and haram in Islam. However, the research also shows respondents have medium knowledge of hudud, pillars of Iman and Islam, pillars of marriage, concept of polygamy, zakat and hajj.

Key words: level of knowledge, non-Muslims, Selangor, Islam.

Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, tahap bermaksud peringkat atau tingkat. Kata sinonim bagi tahap pula ialah peringkat atau fasa. Manakala, pengetahuan pula ialah ilmu, keadaan mengetahui, hal mengetahui, kebijakan atau kepandaian. Selain itu pengetahuan juga merupakan suatu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan maklumat. Ianya berasal daripada pengalaman lampau dan pengalaman baru sama ada diketahui sendiri atau melalui sumber lain dan digunakan bagi mencapai matlamat yang belum terlaksana (Abdul Hamid, 2004).

Bagi *non-Muslim* pula, di dalam al-Quran, terdapat beberapa istilah yang menunjukkan pengertian *non-Muslim* secara khusus. Antaranya ialah *al-Kafir* iaitu orang atau golongan yang tidak beriman kepada keesaan Allah s.w.t., nabi-nabi dan syariat Islam; *al-Mushrikin* iaitu orang yang mensyirikkan Allah dengan sesuatu dan beriman kepada Tuhan yang banyak, baik dengan keyakinan, ucapan ataupun perbuatan seperti percaya ada kuasa ghaib selain Allah, memuja berhala atau dewa dan sebagainya; *al-Jahid* iaitu golongan yang ingkar dengan perintah Allah; *Ahl al-Kitab* iaitu golongan Yahudi dan Nasrani; *al-wathani* iaitu golongan yang menyembah atau percaya kepada sesuatu seperti kayu, batu dan lain-lain sebagai Tuhan dan *al-Munafiqin* iaitu orang yang tindakan zahir dan hati yang berbeza, atau orang yang berpura-pura, atau orang yang menyembunyikan kekufurannya di dalam hati dan menzahirkan imannya dengan lisan (Abd. Hadi, 2016).

Manakala kepercayaan juga dikenali sebagai akidah di dalam konteks Islam. Di dalam kitab *Mu'jam Maqayis al-Lughah* mendefinisikan akidah sebagai suatu ikatan atau simpulan yang diikat dengan kuat dan rapi. Apabila akidah dipadankan dengan Islam, maka ia membawa maksud suatu bentuk kepercayaan dan keimanan yang perlu dipegang kuat-kuat dan sungguh-sungguh agar ia tersemat mantap di jiwa walaupun apa jua cabaran yang mendatang.

Berdasarkan takrifan-takrifan yang telah diberikan, pengkaji ingin melihat dengan lebih mendalam berkenaan tahap pengetahuan masyarakat non-Muslim terhadap kepercayaan dan budaya Islam.

Permasalahan Kajian

Kefahaman yang rendah oleh masyarakat *non-Muslim* terhadap ajaran Islam menimbulkan salah faham. Di Malaysia, kaum Melayu dilihat sebagai sinonim dengan agama Islam sehinggakan apabila golongan muallaf memeluk agama Islam, secara tidak langsung, mereka perlu memahami dan menerima kebudayaan Melayu sedikit demi sedikit. Oleh yang

demikian, golongan bukan Islam perlu didedahkan dengan perbezaan antara budaya Melayu dan agama Islam bagi mengelakkan salah faham (Syarul Azman et al, 2017).

Di dalam Abdull Rahman et al (2009), Professor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim berpandangan bahawa ajaran Islam tidak banyak didedahkan kepada orang bukan Islam. Ajaran Islam yang sampai kepada mereka hanyalah secara umum sahaja seperti tidak boleh minum arak, tidak boleh makan babi, sehingga perkataan babi pun takut untuk digunakan dan digantikan dengan perkataan khinzir. Apabila ini berlaku, maka orang bukan Islam akan memandang serong kepada agama Islam kerana mereka tidak memahami kenapa dan mengapa suatu perkara itu dilarang kerana tidak mendapat penjelasan yang terperinci.

Selain itu, suatu kajian oleh Aminudin Ruskam al-Dawamy (2002) dalam Abdull Rahman (2009) berkenaan perspektif masyarakat Cina berpelajaran terhadap agama Islam di Malaysia mendapati bahawa responden bersetuju masuk Islam bermakna menjadi Melayu, masuk Islam memutuskan hubungan keluarga, amalan poligami tidak memberi keadilan kepada wanita, masyarakat bukan Islam diberikan maklumat yang kurang tepat mengenai ajaran Islam dan faktor orang Cina menganut Islam kerana tertarik dengan cara hidup orang Islam.

Khairul Azhar (2013) juga berpendapat bahawa kebanyakan golongan bukan Muslim sebenarnya masih keliru terhadap agama Islam dan bangsa Melayu. Doktrin Melayu itu Islam dan Islam itu Melayu masih kuat bertapak dalam pemikiran sebahagian besar golongan bukan Islam di negara ini. Isu seperti menukar nama dan bin, amalan berpakaian, cara hidup dan terputus hubungan dengan keluarga asal masih menghantui mereka yang bukan Islam walaupun telah dijelaskan oleh sarjana Muslim di negara ini. Maka, segala prejudis terhadap masyarakat Melayu ini dikaitkan dengan agama Islam.

Tahap kefahaman *non-Muslim* terhadap Islam di Malaysia yang masih rendah juga boleh dijelaskan berdasarkan tahap kefahaman mereka terhadap sistem dan gagasan yang berasaskan nilai Islam seperti proses Islamisasi dan pengenalan kepada gagasan Islam Hadhari oleh Tun Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2004. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdull Rahman Mahmood (2009), menunjukkan bahawa secara umumnya masyarakat bukan Islam di negara ini masih belum boleh menerima dan memahami ajaran Islam secara jelas. Buktinya adalah beberapa pandangan telah diberikan oleh tokoh agama seperti Setiausaha Majlis Uskup-uskup Katolik Malaysia, Brother Augustine Julian menyatakan kebimbangan tentang idea Islamisasi yang dilihat telah mengancam masyarakat *non-Muslim* di negara ini dalam aspek kebebasan beragama dan merasakan perkara ini berasaskan politik.

Oleh yang demikian, berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, pengkaji melihat bahawa kajian berkenaan dengan tahap pengetahuan masyarakat *non-Muslim* terhadap Islam adalah perlu bagi mengukur pengetahuan semasa masyarakat. Dengan hasil kajian yang didapati, ianya boleh dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat Islam bagi meningkatkan serta memperbaiki perkara-perkara yang menimbulkan salah faham berkenaan Islam oleh masyarakat *non-Muslim*.

Objektif Kajian

1. Menganalisis tahap pengetahuan responden *non-Muslim* terhadap Islam.
2. Mengenal pasti salah faham yang berlaku di dalam masyarakat *non-Muslim* terhadap Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dan dianalisis menggunakan kaedah analisa statistik deskriptif bagi mengetahui tahap pengetahuan *non-Muslim* terhadap kepercayaan dan budaya Islam. Bagi mengumpulkan data dalam kajian, instrumen yang digunakan ialah set soal selidik. Satu set soal selidik disediakan mengandungi 21 soalan bagi 325 orang responden. Menurut Sekaran, Uma (2003) metode soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai dalam mengkaji hal-hal berkaitan pengukuran terhadap sesuatu perkara seperti pengetahuan, sikap, kefahaman, penglibatan dan sebagainya. Malah, ianya bersifat praktikal dan berkesan dalam mengawal jumlah sampel kajian yang besar. Semua soalan yang dibentuk adalah dengan menggunakan skala pengukuran Likert dalam mengukur tahap pengetahuan *non-Muslim* terhadap kepercayaan dan budaya Islam yang mempunyai lima skala iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Manakala, populasi kajian pula merupakan masyarakat *non-Muslim* di negeri Selangor yang terdiri daripada penganut agama Hindu, Buddha, Kristian, Sikh, animisme dan atheis.

Analisis Data dan Perbincangan

Demografi Responden

Berikut merupakan jadual yang merangkumi latar belakang responden kajian seperti berikut:

Jadual 1 Demografi Responden

Item		Kekerapan (F)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	193	59.4
	Perempuan	132	40.6
Umur	<18	58	17.8
	19-25	136	41.8
	26-30	67	20.6
	31-40	32	9.8
	>41	32	9.8
Tahap Pendidikan	Tiada Pendidikan	25	7.7
	Sekolah Rendah	43	13.2
	PMR	31	9.5
	SPM/STPM	76	23.4
	Diploma/Sarjana Muda	138	42.5
	Sarjana/PhD	12	3.7
Bangsa	Cina	144	44.3
	India	147	45.2

	Orang Asli	2	.6
	Etnik Sabah	3	.9
	Etnik Sarawak	1	.3
	Lain-lain	28	8.6
Agama	Kristian	54	16.6
	Hindu	140	43.1
	Sikh	2	.6
	Buddha	116	35.7
	Animisme	2	.6
	Atheis	11	3.4

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini melibatkan seramai 325 orang responden yang terdiri daripada 193 orang lelaki dan 132 orang perempuan. Majoriti daripada responden adalah berumur 19-25 tahun iaitu sebanyak 136 orang (41.8%) dan diikuti 26-30 tahun iaitu seramai 67 orang (20.6%). Dari sudut tahap pendidikan, kebanyakan responden memegang diploma/ijazah iaitu 138 (42.5%) kemudian diikuti SPM/STPM dengan 76 (23.4%). Bagi bangsa pula, bangsa India mendahului dengan 147 orang (45.2%) kemudian bangsa Cina iaitu 144 orang (44.3%). Manakala, mengikut agama, Hindu mendahului dengan 140 (43.1%), kemudian Buddha dengan 116 (35.7%), Kristian dengan 54 (16.6%), ateis 11 (3.4%), Sikh dan animisme masing-masing berjumlah 2 (0.6%).

Analisis Statistik Deskriptif

Tahap pengetahuan *non-Muslim* terhadap kepercayaan dan budaya Islam melibatkan 21 soalan yang diukur dengan menggunakan skala Likert iaitu dengan lima skala pengukuran (sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju). Bagi menilai tahap min setiap item yang dikaji maka jadual di bawah adalah interpretasi dapatan kajian untuk menggambarkan tahap min pembolehubah yang ingin dikaji:

Jadual 2 Analisis Min

Skor Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Jadual 3 Tahap pengetahuan *non-Muslim* terhadap kepercayaan dan budaya Islam

Bil.	Perkara	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
1	Ajaran Islam dengan budaya masyarakat Melayu adalah sama	16 (4.9%)	58 (17.8%)	99 (30.5%)	126 (38.8%)	26 (8.0%)	3.27	Tinggi
2	Islam percaya bahawa Tuhan itu satu	8 (2.5%)	22 (6.8%)	59 (18.2%)	165 (50.8%)	71 (21.8%)	3.83	Tinggi

3	Saya mengetahui bahawa Islam bukan agama ciptaan Muhammad	13 (4.0%)	28 (8.6%)	168 (51.7%)	86 (26.5%)	30 (9.2%)	3.28	Tinggi
4	Islam membawa ajaran kedamaian (<i>peace</i>)	7 (2.2%)	18 (5.5%)	82 (25.2%)	163 (50.2%)	55 (16.9%)	3.74	Tinggi
5	Islam menghormati agama lain	10 (3.1%)	24 (7.4%)	59 (18.2%)	171 (52.6%)	61 (18.8%)	3.77	Tinggi
6	Islam adalah agama untuk semua manusia	32 (9.8%)	74 (22.8%)	132 (40.6%)	54 (16.6%)	33 (10.2%)	2.94	Sederhana
7	Islam adalah sama dengan agama lain seperti Buddhism, Hinduism dan sebagainya	38 (11.7%)	69 (21.2%)	117 (36%)	73 (22.5%)	28 (8.6%)	2.95	Sederhana
8	Saya faham konsep halal haram dalam pemakanan agama Islam	17 (5.2%)	23 (7.1%)	93 (28.6%)	132 (40.6%)	60 (18.5%)	3.60	Tinggi
9	Saya faham konsep halal haram dalam pemakaian agama Islam	19 (5.8%)	19 (5.8%)	109 (33.5%)	126 (38.8%)	52 (16%)	3.53	Tinggi
10	Saya faham konsep halal haram dalam perkahwinan agama Islam	18 (5.5%)	27 (8.3%)	146 (44.9%)	95 (29.2%)	39 (12%)	3.34	Tinggi
11	Saya faham konsep hudud dalam agama Islam	29 (8.9%)	51 (15.7%)	177 (54.5%)	45 (13.8%)	23 (7.1%)	2.94	Sederhana
12	Agama Islam adalah sama dengan Melayu	14 (4.3%)	59 (18.2%)	119 (36.6%)	99 (30.5%)	34 (10.5%)	3.25	Tinggi
13	Agama Islam membebaskan manusia kerana banyak solat, berpuasa sebulan dan sebagainya	30 (9.2%)	56 (17.2%)	157 (48.3%)	64 (19.7%)	18 (5.5%)	2.95	Sederhana

14	Saya mengetahui rukun Islam	45 (13.8%)	58 (17.8%)	168 (51.7%)	39 (12%)	15 (4.6%)	2.76	Sederhana
15	Saya mengetahui rukun Iman	41 (12.6%)	59 (18.2%)	178 (54.8%)	34 (10.5%)	13 (4%)	2.75	Sederhana
16	Saya mengetahui rukun kahwin	41 (12.6%)	60 (18.5%)	186 (57.2%)	27 (8.3%)	11 (3.4%)	2.71	Sederhana
17	Saya tahu konsep poligami dalam Islam	38 (11.7%)	51 (15.7%)	163 (50.2%)	59 (18.2%)	14 (4.3%)	2.88	Sederhana
18	Saya faham konsep zakat dalam Islam	43 (13.2%)	48 (14.8%)	172 (52.9%)	48 (14.8%)	14 (4.3%)	2.82	Sederhana
19	Saya faham konsep haji dalam Islam	41 (12.6%)	48 (14.8%)	161 (49.5%)	63 (19.4%)	12 (3.7%)	2.87	Sederhana
20	Saya faham konsep halal (dibenarkan) dalam Islam	23 (7.1%)	34 (10.5%)	121 (37.2%)	113 (34.8%)	34 (10.5%)	3.31	Tinggi
21	Saya faham konsep haram (dilarang) dalam Islam	20 (6.2%)	22 (6.8%)	121 (37.2%)	125 (38.5%)	37 (11.4%)	3.42	Tinggi
Min Keseluruhan							3.19	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan dapatan tahap pengetahuan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap kepercayaan dan budaya Islam. Nilai min tahap pengetahuan responden *non-Muslim* terhadap Islam ialah 3.19. Ini bermakna tahap pengetahuan masyarakat *non-Muslim* di Selangor terhadap kepercayaan dan budaya Islam berada pada tahap yang tinggi (rujuk analisis min pada Jadual 2).

Jika dilihat secara terperinci bagi setiap pernyataan tahap pengetahuan *non-Muslim* di Selangor terhadap kepercayaan dan budaya Islam, ia menunjukkan sebelas item berada pada tahap tinggi iaitu; Ajaran Islam dengan budaya masyarakat Melayu adalah sama (min 3.27), Islam percaya bahawa Tuhan itu satu (min 3.83), Saya mengetahui bahawa Islam bukan agama ciptaan Muhammad (min 3.28), Islam membawa ajaran kedamaian (*peace*) (min 3.74), Islam menghormati agama lain (min 3.77), Saya faham konsep halal haram dalam pemakanan agama Islam (min 3.60), Saya faham konsep halal haram dalam pemakaian agama Islam (min 3.53), Saya faham konsep halal haram dalam perkahwinan agama Islam (min 3.34), Agama Islam adalah sama dengan Melayu (min 3.25), Saya faham konsep halal (dibenarkan) dalam Islam (min 3.31) dan Saya faham konsep haram (dilarang) dalam Islam (min 3.42).

Manakala sepuluh item berada pada tahap sederhana iaitu; Islam adalah agama untuk semua manusia (min 2.94), Islam adalah sama dengan agama lain seperti Buddhism, Hinduism dan sebagainya (min 2.95), Saya faham konsep hudud dalam agama Islam (min 2.94), Agama Islam membebaskan manusia kerana banyak solat, berpuasa sebulan dan

sebagainya (min 2.95), Saya mengetahui rukun Islam (min 2.76), Saya mengetahui rukun Iman (min 2.75), Saya mengetahui rukun kahwin (min 2.71), Saya tahu konsep poligami dalam Islam (min 2.88), Saya faham konsep zakat dalam Islam (min 2.82) dan Saya faham konsep haji dalam Islam (min 2.87). Hal ini menunjukkan bahawa, responden mempunyai pengetahuan yang tinggi berkenaan Islam secara umum sahaja dan hanya mempunyai pengetahuan yang sederhana bagi rukun-rukun dan konsep Islam secara terperinci.

Perbincangan Hasil Kajian

Berdasarkan hasil akhir kajian, ianya menunjukkan secara keseluruhan min bagi kesemua 21 soalan ialah 3.19. Menurut hasil ini, ianya berada di tahap yang tinggi. Namun, jika kita lihat dengan teliti bagi setiap soalan, daripada 21 soalan yang diberikan, 10 daripadanya menunjukkan min yang sederhana dan 11 lagi menunjukkan min yang tinggi. Kita dapat lihat bahawa ianya tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Responden bersikap kurang pasti apabila disoal berkaitan dengan Islam agama untuk semua manusia. Hal ini menunjukkan responden tidak menerima Islam ini sebenarnya untuk semua umat manusia seperti firman Allah s.w.t. dalam surah Saba', ayat 28;

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ
٢٨

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutusmu (Muhammad), melainkan kepada umat manusia seluruhnya, sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahui”.

Bagi soalan berkenaan dengan konsep halal haram dalam pemakanan, majoriti responden memberikan respons setuju. Hasil dari kajian Mohd Yazid & Shahrul Nizam (2015) juga mendapati bahawa responden *non-Muslim* mempunyai pengetahuan yang tinggi dari sudut aspek halal dan haram dalam pemakanan. Mereka mengetahui asas seperti pengharaman khinzir dan arak. Mereka juga tahu berkenaan situasi jika terdapat percampuran antara unsur halal dan haram, ianya haram dimakan oleh umat Islam. Selain itu, mereka juga mengetahui berkenaan perkongsian tempat simpanan daging dan penggunaan peralatan memasak bagi makanan halal dan haram. Perangkaan tahun 2014 menunjukkan bahawa lebih 70% produk makanan halal di pasaran Malaysia dihasilkan oleh pengeluar bukan beragama Islam (Mohd Yazid & Shahrul Nizam, 2015). Hal ini kerana, potensi pasaran produk makanan halal tidak terhad untuk pasaran pengguna Muslim sahaja malah ianya meliputi pengguna bukan Muslim kerana tiada halangan atau syarat agama bagi pengeluaran, selain sembelihan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika masyarakat *non-Muslim* di negara kita mempunyai pengetahuan yang tinggi berkenaan halal dan haram dalam konteks pemakanan.

Selain itu, jika dilihat dari konteks hudud pula, responden masih mempunyai kefahaman yang sederhana di mana majoriti mengatakan mereka kurang memahami akan konsep ini. Hal ini sejajar dengan kenyataan Mohd Sayuti Omar di dalam Sinar Harian (2016) sebagai pemerhati politik; “Kefahaman rang undang-undang (RUU) daripada konteks keadilan sejagat perlu dijelaskan bagi mengelakkan kekeliruan yang berterusan. Seperkara lagi, bukan Islam sengaja buat tak faham sebab perkara itu dijadikan isu dan modal politik mereka”. Jika diperhatikan, isu hudud di negara ini sudah dijadikan seperti bahan politik lebih dari dilihat sebagai sebahagian daripada undang-undang Islam. Oleh sebab itu,

masyarakat *non-Muslim* lebih cenderung untuk terkeliru daripada memahami konsep hudud yang sebenar.

Seterusnya, responden bersikap tidak pasti diikuti setuju sebagai majoriti bahawa agama Islam membebaskan manusia. Menurut kajian Mohd Azhar Abd. Hamid et al, 2013, bagi masyarakat bukan Islam, mereka menganggap bahawa memeluk agama Islam sebagai suatu perkara yang membebaskan. Hal ini disebabkan oleh wujudnya perbezaan adat resam, norma dan sistem nilai antara masyarakat bukan Islam dengan masyarakat Islam di negara ini. Mereka terpaksa meninggalkan tabiat yang telah berakar sejak sekian lama seperti minum arak, berjudi, makan makanan tidak halal seperti khinzir dan sebagainya. Mereka juga dimestikan untuk menutup aurat, berkhatan dan berpuasa.

Akhir sekali, hasil kajian juga memperlihatkan tahap pengetahuan responden *non-Muslim* terhadap kebanyakan rukun seperti rukun Islam, rukun Iman, rukun kahwin, konsep poligami, konsep zakat dan konsep haji berada di tahap yang sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa, kebanyakan responden tidak menelaah berkenaan dengan Islam dengan lebih mendalam. Pengkaji juga mendapati bahawa responden hanya memahami Islam dari sudut konteks beberapa perkara sahaja dan tidak secara menyeluruh.

Kesimpulan

Walaupun hasil kajian ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap kepercayaan dan budaya Islam, namun usaha dakwah yang jitu bagi meningkatkan kefahaman Islam terhadap *non-Muslim* haruslah diteruskan dan ditingkatkan. Hal ini kerana, walaupun Malaysia berada di tahap yang aman dan harmoni namun ianya masih dikira sebagai '*worrying and fragile state*' oleh Khoo Kay Kim dalam (Mohd Azhar et al, 2011). Di Malaysia, masih lagi wujud konflik-konflik dalaman antara kaum dan agama dari sudut politik, sosial dan sebagainya yang boleh memberi kesan ke atas keharmonian dan perpaduan masyarakat majmuk di negara kita. Agama Islam, walaupun merupakan agama majoriti serta diiktiraf sebagai agama rasmi di Malaysia tetap dilihat oleh sesetengah masyarakat bukan Islam sebagai suatu sentimen perkauman. Berdasarkan hasil kajian ini juga, kita dapat lihat bahawa masyarakat *non-Muslim* kurang memahami konsep poligami, zakat, haji dan hudud. Kefahaman rendah yang berterusan terhadap perkara-perkara ini juga bakal dijadikan suatu bahan bagi golongan yang kurang senang dengan Islam untuk menimbulkan isu-isu yang berkaitan seterusnya menyebabkan konflik dalaman di negara kita. Oleh itu, umat Islam di negara ini perlu melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu berkaitan Islam juga membantu untuk meningkatkan pemahaman masyarakat *non-Muslim* di negara kita terutamanya di Selangor bagi menjamin masa depan yang lebih baik untuk negara.

Rujukan

- Abd Hadi Bin Borham. 2016. *Pendekatan Dakwah Mohd Fadli Yusof Dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Hamid. 2004. *Andragogi: Mengajar Orang Dewasa*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn Bhd.

- Abdull Rahman et al. 2009. Penerimaan Bukan Islam Terhadap Proses Islamisasi Di Malaysia. *Jurnal Hadhari*. Bil. 2 (2009): 33-51.
- Abu Husayn Ahmad b. Faris Zakaria. 1991. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. 'Abdul al-Salam Muhammad Harun (terj). Beirut: Dar al-Jayl.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://prpm.dbp.gov.my>. 30 September 2018.
- Khairul Azhar Meerangani et al. 2013. *Dakwah terhadap Bukan Muslim di Malaysia: Realiti dan Cabaran*. E-Prosidings Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan 2013.
- Mohd Azhar Abd Hamid et al. 2013. Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*. 60 (2013): 11-19.
- Mohd Yazid & Shahrul Nizam. 2015. *Indeks Keprihatinan Pengguna Bukan Muslim Terhadap Produk Makanan Halal di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Sekaran, Uma. 2003. *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. New York: John Wiley & Sons, Inc.\
- Selangor Kini. 2016 <https://selangorkini.my/en/2016/07/selangor-catat-peratusan-penduduk-tertinggi-negara/>. 30 September 2018.
- Sinar Harian. 2016. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/orang-bukan-islam-tetap-tak-akan-terima-hudud-1.543171>. 30 September 2018.
- Syarul Azman Sharuddin et al. 2017. Cabaran dan Permasalahan Mualaf dan Penyelesaiannya Oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Kertas kerja ini dibentang di ISRA 2017.